

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18/12/2018

Malaysia 'rugi' RM47 bilion tahun lalu angkara rasuah

BH - 18/12/2018 m/s: 4

➔ Kerajaan baru perlu masa tangani masalah: TPM

► Kuala Lumpur

Malaysia mengalami 'kerugian' RM47 bilion daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) sepanjang tahun lalu disebabkan gejala rasuah, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata, jumlah yang hampir sama, yakni nilai sekitar empat peratus daripada KDNK dicatatkan hilang disebabkan rasuah setiap tahun sejak 2013 menurut *Transparency International Malaysia*.

"Apa yang kita boleh buat dengan RM47 billion? Ia adalah

jumlah yang lebih besar daripada apa yang kita belanjakan untuk pendidikan dan hampir dua kali ganda jumlah yang dibelanjakan untuk penjagaan kesihatan tahun lalu.

Akses wang untuk rakyat

"Bayangkan apa yang kita boleh buat jika kita ada akses kepada wang ini, jika ia digunakan untuk membaiki jalan raya yang berlubang, melegakan kesesakan di hospital awam kita atau menyediakan biasiswa kepada mereka yang layak untuk maju dalam pelajaran?"

"Bayangkan jika semua golongan lemah dalam masyarakat kita, wanita dan kanak-kanak tidak perlu bergantung kepada rasuah dan 'kenal orang dalam' untuk mendapatkan perkhidmatan yang mereka perlukan," katanya ketika menyampaikan ucapan forum *United Against Corruption: Anchoring Anti-corruption In Good Governance*, di sini, semalam.

Beliau berkata, hakikatnya berbeza dengan pandangan ramai, rasuah sebenarnya bukan hanya berlaku pada peringkat tertinggi kerajaan sahaja.

"Laporan PricewaterhouseCooper pada 2016 menunjukkan aktiviti rasuah dalam kalangan syarikat swasta di Malaysia naik daripada 9 peratus pada 2014 kepada 30 peratus pada 2016. Pada peringkat bawah lagi, anda akan lihat contoh dalam aktiviti harian seperti cuba merasuah untuk mengelak saman trafik," katanya.

Tangani gejala

Timbalan Perdana Menteri berkata, pentadbiran kerajaan bertukar dengan pantas pada Mei lalu, namun masa yang panjang akan diperlukan oleh kerajaan untuk menangani gejala rasuah yang sudah menjadi 'endemik' ini.

"Saya tidak boleh bermimpi yang perubahan akan berlaku dalam sekelip mata, tetapi sa-

ya yakin pakatan baharu yang bekerjasama dalam usaha menumbangkan rejim kleptokratik, akan bertungkus lumus melaksanakan pembaharuan institusi yang berkekal, yang akan melindungi kepentingan semua rakyat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengukuhkan institusi penguat kuasa, mengemas kini tatacara yang meliputi semua Ahli Parlimen dan penjawat awam, memastikan saringan integriti ditetapkan sebagai standard bagi mereka yang berhasrat untuk berkuasa dan menghindari perlakuan melobi ikut 'pintu belakang' oleh pihak industri.

Pada masa sama, Wan Azizah menolak dakwaan sesetengah pihak yang beranggapan bahawa kerajaan memberikan banyak tumpuan kepada usaha membanteras rasuah berbanding ekonomi akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lemah. **BERNAMA**